KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	8/1/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	PTG / PDT PERAK			

Tindakan penguatkuasaan terbatas

Susulan lot di Pantai Pasir Panjang, Segari bukan berstatus tanah kerajaan

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF

LUMUT

Status tanah milik syarikat menyebabkan tindakan penguatkuasaan terhadap kegiatan pengambilan pasir silika di sebuah lot di Pantai Pasir Panjang, Segari di sini terbatas.

Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Manjung berkata, lot tersebut bukannya berstatus tanah kerajaan menyebabkan pihaknya sukar untuk menyita jentera dan menahan individu yang terbabit dalam kerja-kerja tersebut.

Pihaknya bagaimanapun telah menasihati pemilik bahawa tanahnya adalah kawasan sensitif alam sekitar tahap satu.

FOTO: FB PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG



MPM memasang *barricade tape* di sekitar tapak lokasi aktiviti pengambilan pasir silika di Pantai Pasir Panjang, Lumut.

AKTIVITI KOREK PASIR DI PANTAI PASIR PANJANG

"Sejak tahun lalu sudah beberapa kali pemantauan telah dilakukan dan meminta supaya pemilik tanah menghentikan kerja-kerja pengorekan pasir ini dan mereka bersetuju serta akur dengan arahan penguat kuasa.

"Sebarang pengorekan hanya boleh dilakukan setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Permohonan Pasir Silika dan Permit Khas Mineral, jika diluluskan," katanya dalam satu kenyataan di Facebook pada Khamis.



Syarikat lombong pasir di Pantai Pasir Panjang wajar dikenakan tindakan

Laporan *Sinar Harian* pada Rabu.

Menurutnya, bertindak atas aduan yang diterima daripada Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa), aktiviti pengorekan pasir di atas tanah milik terbabit diarah dihentikan serta-merta pada Isnin.

"Pemantauan bersepadu ini turut dilakukan dari laut oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Perak dan PDT Manjung untuk melihat bukti-bukti sekiranya pihak pemilik tanah pernah mengeluarkan pasir silika menggunakan jalan air atau sebaliknya.

"Pihak pentadbiran daerah telah dimaklumkan bahawa sebarang permohonan lesen atau permit bagi aktiviti pengambilan pasir belum dikeluarkan," katanya.

Katanya, Majlis Perbandaran Manjung (MPM) telah memasang 'barricade tape' di sekitar tapak lokasi di bawah Seksyen 70 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974/Akta 133.